

# HARGAI JASA DAN SUMBANGAN GURU

Oleh NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED

**T**EMA sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan tahun ini adalah Guru: Membina Ilmu Menyempurnakan Akhlak. Tema ini membawa makna yang cukup besar sekali gus menggambarkan betapa signifikan sumbangan dan peranan guru yang tidak pernah pudar mahupun ditelan dek zaman.

Peranan guru dalam pelbagai aspek kehidupan anak didik terutamanya dari segi ilmu dan akhlak digambarkan secara menyeluruh melalui tema ini. Tema ini juga memberikan mesej yang cukup jelas mengenai tuntutan dan harapan masyarakat dan negara terhadap peranan guru yang semakin hari semakin mencabar.

Seperti biasa tarikh keramat 16 Mei datang lagi sebagai memenuhi salah satu hari dalam kalendar harian kita dan sekali gus menandakan hari yang telah dimasyhurkan sebagai Hari Guru di negara ini. Tarikh 16 Mei dipilih sebagai Hari Guru kerana pada hari bulan yang sama dalam 1956, Majlis Undang-Undang Persekutuan Tanah Melayu (Federal Legislative Council) telah menerima cadangan-cadangan Laporan Jawatankuasa Pelajaran (Report of the Education Committee) sebagai dasar pelajaran bagi negara kita.

Dokumen tersebut yang selepas itu dikenali sebagai Laporan Razak (Razak Report) telah menjadi Dasar Pelajaran Kebangsaan maka tarikh keramat ini besar maknanya kepada kita semua terutamanya kepada institusi pendidikan dan perguruan negara.

Saban tahun pelbagai isu mewarnai dunia pendidikan negara baik yang positif dan membanggakan mahupun yang kurang enak untuk kita dengar. Contohnya, beberapa kejadian buruk di sekolah yang melibatkan masalah disiplin pelajar, tindak tanduk guru serta campur tangan ibu bapa terus mewarnai kalendar persekolahan tahunan kita. Malah beberapa insiden di universiti melibatkan mahasiswa dan pensyarah turut mencuri perhatian khalayak. Namun kedudukan guru di mata rakyat tidak pernah pudar mahupun tenggelam.

Cuma ada ketikanya kita terfikir sejauh mana peranan dan sumbangan guru itu dihargai masyarakat. Sebagai peringatan bersama secara ringkas tetapi penuh bermakna marilah kita hayati antara bait-bait keramat dari sajak nukilan Sasterawan Negara Allahyarham Datuk Dr. Usman Awang pada 1979 yang bertajuk 'Guru Oh Guru'. Antara lain sajak ini berbunyi:

*"Jika hari ini seorang Perdana Menteri berkuasa*

*Jika hari ini seorang Raja menaiki takhta*

*Jika hari ini seorang Presiden sebuah negara*

*Jika hari ini seorang ulama yang mulia*



**SEORANG** guru, Hanisah Abu Hasih, mengajar murid berbilang kaum dalam kelas di SK Kampung Bakam, Miri, Sarawak, baru-baru ini. - GAMBAR HIASAN

*Jika hari ini seorang peguam menentang bicara*

*Jika hari ini seorang penulis terkemuka*

*Jika hari ini siapa sahaja menjadi dewasa;*

*Sejarahinya dimulakan oleh seorang guru biasa*

*Dengan lembut sabarnya mengajar tulis-baca"*

Setiap satu rangkap sajak ini menceritakan sumbangan, peranan dan kejayaan besar guru dalam mendidik dan membentuk peribadi dan karakter dalam masyarakat kita. Hakikatnya, setiap seorang daripada kita pasti terhutang budi sekurang-kurangnya kepada seorang guru dalam apa jua keadaan sekalipun. Guru juga sentiasa diangkat sebagai agen perubahan sosial yang cukup berkesan. Ringkasnya, tiada kita seperti pada hari ini tanpa ajaran, dan bimbingan daripada seorang insan mulia bernama guru.

Adakalanya kita rasa cukup sedih dan kecewa apabila berlakunya kejadian seperti pelajar menampar guru, ibu bapa memarahi guru, kenderaan guru dirosakkan oleh pelajar dan sebagainya yang jelas menunjukkan bahawa kita masih kurang rasa hormat dan sayang kepada insan mulia ini. Dapat dikatakan, guru bertanggungjawab membentuk tamadun manusia melalui penyebaran ilmu dan pembentukan akhlak yang mulia. Jasa guru sama ada guru sekolah, tadika mahupun pensyarah amatlah besar, begitu juga pengaruh mereka.

Justeru, usahlah kita asyik mencari kesalahan mereka semata-mata. Sekarang amat jarang kita dengar pelajar mahupun ibu bapa mengucapkan 'terima kasih' kepada guru. Ini adalah perkembangan

yang cukup menyedihkan dan sepatutnya tidak berlaku dalam masyarakat kita yang begitu mementingkan gaya hidup yang sopan santun dan nilai-nilai murni sejagat. Walaupun kita juga akui bahawa memang ada segelintir guru yang mungkin bermasalah atas pelbagai faktor peribadi terutamanya bagi mereka yang memilih kerjaya guru kerana terpaksa dan tiada pilihan lain, tetapi adalah tidak wajar untuk kita menghakimi keseluruhan institusi perguruan hanya kerana nila setitik seperti ini.

Hakikatnya, tugas guru pada zaman yang semakin canggih ini dilihat cukup mencabar berbanding guru zaman dahulu. Pelajar sekarang juga didapati lebih tahu serba serbi dan cepat memberontak dan bertindak balas mengikut emosi masing-masing. Akibatnya, guru terpaksa melalui pelbagai dugaan dan rintangan baik di peringkat sekolah rendah mahupun di peringkat sekolah menengah, apatah lagi di peringkat universiti dalam memenuhi kehendak dan tuntutan pelajar dan juga ibu bapa mereka.

Maka dalam hal ini, ibu bapa perlu memainkan peranan dengan menyedarkan anak-anak mereka mengenai jasa dan sumbangan guru. Anak-anak perlu diajar untuk menghormati guru mereka. Pada masa sama ibu bapa juga perlu percaya dan membenarkan guru menjalankan tanggungjawab mereka tanpa sebarang gangguan jika mahu melihat anak mereka menjadi manusia berguna kelak.

Masyarakat perlu meletakkan guru dalam kedudukan sewajarnya. Perlu diingat bahawa gelaran guru pada seseorang itu akan kekal hingga ke akhir hayatnya yang menandakan tugas mendidik tidak pernah

berhenti walaupun guru itu telah bersara dan dianggap sebagai tugas yang kekal hingga ke akhir hayat seseorang individu bergelar guru.

Walaupun ramai masih beranggapan kerja guru mudah, boleh pulang rumah awal, kerja separuh hari dan mempunyai cuti panjang namun tidak ramai sedar, tahu dan menyelaami hakikat sebenar tugas seorang pendidik. Tidak ramai yang sedar guru perlu bekerja sehingga lewat petang walaupun mengajar sesi pagi, terpaksa bekerja di hujung minggu serta melayan pelbagai kerenah anak murid dan ibu bapa sepanjang masa. Itu belum lagi soal tugas pekerjaan yang semakin bertambah.

Hakikatnya, waktu kerja guru bukanlah mengikut jadual kerja seperti penjawat awam lain iaitu 8 pagi hingga 5 petang tetapi kerja dan tanggungjawab mereka adalah berterusan sepanjang masa iaitu 24 jam tanpa mengira hari dan waktu. Justeru, kita perlu mengiktiraf sumbangan guru dengan sebaiknya. Untuk itu, dalam kita bergerak secara agresif untuk melaksanakan dan menayakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 bagi mentransformasikan sistem pendidikan negara secara menyeluruh kita perlu juga memberi fokus kepada kepentingan guru yang merupakan antara komposisi dan pemain utama dalam ekosistem pendidikan negara.

Hal ini penting demi mengangkat martabat profesion perguruan ke tahap sewajarnya sekali gus memperkasakan laluan kerjaya guru itu sendiri. Ini kerana pemantapan profesion perguruan akan turut memantapkan sistem pendidikan negara yang sekali gus mampu melahirkan modal insan dan generasi masa depan yang hebat, berkaliber, serba boleh dan bijak.

Apapun kita tetap berharap agar guru itu sendiri memikul tanggungjawab dan amanah yang diberikan dengan penuh jujur dan ikhlas. Jagalah nama baik dan imej jawatan ini yang sentiasa menjadi sanjungan masyarakat. Jangan sesekali bertindak mengikut emosi. Bersabarlah dengan kerenah anak didik dan teruskan usaha dan niat murni untuk mendidik anak bangsa.

Sama-samalah kita mendoakan agar golongan guru terus memainkan peranan demi melahirkan modal insan dan generasi pelapis yang mempunyai nilai jati diri yang unggul dan boleh menjadi warga yang bertanggungjawab kepada diri, keluarga, agama, bangsa dan negara secara keseluruhannya. Apapun penulis mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga pendidik di atas jasa dan sumbangan ikhlas selama ini. Selamat Hari Guru, cikgu.

**PENULIS** ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia.